

13 SEP 1998

Komanwel-Harijadi

PRESIDEN FIJI SAMBUT HARIJADI DI PADANG RAGBI

Oleh: Azeman Ariffin dan Aziz Haron

PETALING JAYA, 13 Sept (Bernama) -- Presiden Fiji Steveni Rabuka hari ini menerima ucapan mengejut "Selamat Hari Jadi" daripada ribuan penonton acara ragbi di Stadium Ragbi Kelana Jaya di sini apabila tarikh hari lahirnya diumumkan pengacara melalui pembesar suara di stadium itu.

Hari ini adalah ulangtahun kelahirannya yang ke-50 dan beliau berada di Stadium Rugbi itu sejak pukul 3.30 petang tadi bagi menyaksikan 18 perlawanan ragbi tujuh sebelah.

Dengan girang beliau bangun untuk melambaikan tangannya kepada ribuan penonton dari pelbagai negara yang menyaksikan perlawanan ragbi itu dan mereka secara spontan mendendangkan lagu "Happy Birthday To You" khas kepadanya.

Rabuka, seorang peminat setia sukan ragbi, tidak melepaskan peluang menonton acara ragbi sejak hari pertama semalam. Hari ini Presiden Fiji itu diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada kira-kira pukul 5.30 petang.

Kedua-dua pemimpin itu menyaksikan perlawanan antara pasukan Fiji dan Malaysia di mana keputusannya tidak menyenangkan Dr Mahathir kerana Fiji membelasah pasukan tuan rumah 63-5.

-- BERNAMA

AA AZH ZAB